

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI TEMPAT KERJA MELALUI AMALAN KESEIMBANGAN KERJA DAN KEHIDUPAN


Amalan keseimbangan kerja dan kehidupan atau *work-life practices* (WLP) mencerminkan bagaimana pekerjaan dilaksanakan serta jangkaan tenaga kerja di masa depan. Ketika landskap pekerjaan sedang mengalami perubahan di mana semakin ramai pekerja mengahendaki integrasi komitmen kerja dan kehidupan yang lebih baik, WLP akan terus memainkan peranan penting dalam usaha syarikat menarik modal insan berkualiti dan mengekalkan pekerja dalam pasaran yang penuh persaingan.


Hasil kaji selidik yang dilakukan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) pada 2017 menunjukkan bahawa majoriti majikan sektor korporat Malaysia menyokong WLP sebagai strategi utama bagi menangani keperluan tenaga kerja di masa depan. Ia merupakan petanda baik untuk agenda Masa Depan Pekerjaan, memandangkan tenaga kerja global pada tahun 2020 dijangka terdiri daripada pelbagai generasi dengan kepelbagaian nilai, tabiat kerja dan sudut pandang yang berbeza.


PELBAGAI GENERASI DI TEMPAT KERJA


Menurut Forbes, kebanyakan tenaga kerja telah sedia terdiri daripada pelbagai generasi. Setiap generasi baharu hadir dengan jangkaan serta cabaran baharu kepada para majikan dan tenaga kerja secara keseluruhannya.

Berikut adalah sebahagian daripada generasi yang wujud dalam tenaga kerja yang sama:


 **GENERASI SENYAP**
Lahir pada 1925 - 1945


 **GENERASI BABY BOOMER**
Lahir pada 1946 - 1964

 **GENERASI-X**
Lahir pada 1965 - 1980

 **GENERASI-K ATAU XENIAL**
Lahir pada 1977 - 1983

 **GENERASI-Y ATAU MILENIAL**
Lahir pada 1981 - 1994

 **GENERASI-Z**
Lahir pada 1995 - 2000

 **GENERASI ALPHA**
Lahir pada 2000 ke atas

SEBAB-SEBAB UNTUK MENAWARKAN WLP

Data yang diperolehi TalentCorp mendapati bahawa para majikan melihat WLP sebagai peluang untuk bersikap prihatin terhadap para pekerja dalam keadaan syarikat masih kekal komited terhadap sasaran perniagaan masing-masing. Majikan secara keseluruhannya memilih untuk mengekalkan bakat

sedia ada berbanding menarik bakat lain dari luar organisasi sebagai sebab utama untuk menawarkan WLP. Ia selaras dengan dapatan kajian Hays 2017 yang menunjukkan bahawa sebab utama pekerja kekal dengan syarikat mereka ialah peluang untuk WLP.

SEBAB UTAMA UNTUK MENAWARKAN AMALAN KESEIMBANGAN KERJA DAN KEHIDUPAN

Peningkatan produktiviti pekerja menjadi antara sebab utama majikan menawarkan amalan keseimbangan kerja dan kehidupan.

76% Kesejahteraan pekerja

65% Produktiviti tenaga kerja

64% Pengekalan tenaga kerja

45% Penarikan modal insan

31% Kepelbagaian tenaga kerja

30% Tanggungjawab sosial korporat

19% Pengurangan kos

Sumber: *Life At Work* – Laporan Pelaksanaan serta Hasil Amalan Keseimbangan Kerja dan Kehidupan dalam sektor Korporat di Malaysia, TalentCorp

Dapatan kajian yang dijalankan baru-baru ini turut menunjukkan bahawa WLP kini dianggap sebagai 'deal breaker' dalam persaingan untuk menarik modal insan. Dapatan Kaji Selidik Tempat Kerja Global 2019 oleh IWG menunjukkan 75 peratus daripada 15,000 responden dari 80 buah negara percaya bahawa WLP seperti suasana kerja anjal telah menjadi suatu kebiasaan yang baharu dan 83 peratus daripada mereka akan memilih pekerjaan yang menawarkan suasana kerja anjal berbanding pekerjaan yang tidak menawarkannya.

Kaji selidik berkenaan turut menekankan bahawa 85 peratus daripada perniagaan telah memperkenalkan polisi tempat kerja anjal dalam tempoh sedekad yang lalu akibat peralihan pemikiran sebegini di kalangan

pekerja. Manakala, syarikat yang tidak mempunyai polisi tempat kerja anjal pula berisiko kehilangan modal insan terbaik mereka.

Apa yang lebih menarik ialah 60 peratus daripada responden kaji selidik IWG berkata bahawa halangan utama dalam melaksanakan polisi tempat kerja anjal ialah mengubah budaya organisasi, terutamanya bagi syarikat yang telah lama mengamalkan pendekatan suasana konvensional. Lebih satu pertiga, iaitu 41 peratus responden turut menekankan bahawa salah satu daripada halangan terbesar ialah kebimbangan tentang bagaimana suasana kerja anjal akan memberi kesan ke atas budaya syarikat secara keseluruhannya.



TalentCorp
ATTRACT • NURTURE • RETAIN

MENGGALAKKAN SYARIKAT DI MALAYSIA MENGAMALKAN WLP

Bajet 2020 mencerminkan kesungguhan Kerajaan dalam menangani tuntutan Masa Depan Pekerjaan, berdasarkan kepada tumpuan yang diberikan terhadap usaha memastikan semua rakyat Malaysia dapat mengambil bahagian dalam pertumbuhan ekonomi negara dengan cara yang lebih bermakna. Sebagai contoh, Kerajaan menyediakan peruntukan tambahan RM30 juta bagi mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak di bangunan kerajaan, terutamanya hospital serta sekolah bermula tahun hadapan. Selanjutnya, Kerajaan akan melancarkan inisiatif *Malaysians@Work*, yang turut mengandungi program *Women@Work* dengan menyasarkan pewujudan 33,000 peluang pekerjaan setiap tahun bagi wanita yang berehat dari kerjaya selama setahun atau lebih dan berusia di antara 30 hingga 50 tahun.

Kerajaan juga akan mengambil langkah lanjut bagi memperbaiki persekitaran kerja untuk kaum wanita dan ibu bapa keseluruhannya. Pada 2019, RM10 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan kemudahan penjagaan awal kanak-kanak di bangunan kerajaan. Menerusinya, 66 TASKA baharu telah diwujudkan di bangunan-bangunan kerajaan. Kerajaan akan memperuntukkan tambahan RM30 juta pada 2020 untuk menyediakan lebih banyak TASKA, dengan memberi tumpuan kepada hospital dan sekolah. Selain daripada itu, bagi mengurangkan beban kewangan ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke TASKA dan TABIKA berdaftar, pelepasan cukai individu ditingkatkan dari RM1,000 kepada RM2,000.

TalentCorp menyokong usaha ini melalui jalinan kerjasama dengan syarikat-syarikat bagi melaksanakan WLP menerusi perkongsian amalan terbaik dalam pelaksanaan WLP serta kemudahan mesra keluarga. Lebih 90 syarikat telah mengamalkan WLP dengan sokongan dan bimbingan TalentCorp. Selanjutnya, TalentCorp menasaskan untuk memperluaskan lagi penglibatan dengan syarikat-syarikat di Malaysia dan bekerjasama untuk menggalakkan keterangkuman serta mewujudkan lebih banyak peluang untuk semua, meningkatkan kesejahteraan serta keterlibatan tenaga kerja dan akhirnya meningkatkan lagi produktiviti serta pertumbuhan negara.

TalentCorp bekerjasama dengan majikan ke arah menjadikan tempat kerja mereka kalis masa depan menerusi pelaksanaan WLP. Dapatkan maklumat lanjut di:

www.talentcorp.com.my/our-work/employer-partner